

25 October 2025

For immediate release

CAAM STRENGTHENS AVIATION SAFETY CULTURE THROUGH COMMUNITY AWARENESS PROGRAMME IN LIMBANG, SARAWAK

LIMBANG, SARAWAK – The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) continues its commitment to strengthening public awareness and understanding of aviation safety through its annual Aviation Safety Culture Awareness Programme, held today at Limbang Airport, Sarawak.

The programme, officiated by Deputy Minister of Transport, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, aims to instill a strong safety culture within the local community, in line with CAAM's ongoing efforts to promote aviation safety awareness nationwide.

Organised as part of CAAM's corporate social responsibility (CSR) outreach initiative, the programme gathered more than 300 participants, comprising students from local schools such as Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Patiambun, SMK Kubong, SMK Medamit, SMK Limbang and SMK Agama Limbang, as well as representatives from the Sarawak State Government, the Ministry of Transport Sarawak and key aviation industry partners.

Dato' Captain Norazman Mahmud, Chief Executive Officer of CAAM highlighted that the programme serves as part of CAAM's continuous effort to cultivate and strengthen aviation safety culture at the grassroots level. The initiative focuses on raising awareness among local communities, especially students, on the importance of safety as an integral part of daily life rather than merely a set of rules or procedures.

The event also reinforced the crucial role of local communities in maintaining airport safety. For regional airports like Limbang, community awareness is essential to preventing incidents such as unauthorised drone activities, trespassing into restricted airport areas and unsafe disposal of waste that could attract wildlife and cause bird strikes.

Limbang Airport plays a vital role as a key transportation hub for the local population, connecting students, healthcare workers and businesses to other parts of Sarawak and Malaysia. CAAM emphasised that ensuring the airport's safety is a collective responsibility shared by all stakeholders, including residents living near airport areas.

Deputy Minister of Transport, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, commended CAAM's proactive approach in organising the awareness programme and reaffirmed the Federal Government's commitment to working closely with the Sarawak State Government to strengthen the aviation ecosystem in the state. The programme reflects the strong collaboration between CAAM, state authorities, educational institutions and local communities in fostering a safety-first mindset. It also underscores the important role of Limbang and other regional airports in supporting national aviation safety objectives.

The programme featured educational exhibitions, safety demonstrations and interactive sessions designed to engage students and the local community in understanding aviation safety and security. Through these activities, CAAM aims to nurture a generation of Malaysians who are informed, responsible and conscious of their role in maintaining a safe aviation environment.

By fostering awareness and interest among young participants, the programme also serves as an early exposure to potential career pathways within the aviation industry.

The Aviation Safety Culture Awareness Programme embodies CAAM's long-term commitment to building a strong, progressive and community-based aviation safety culture. It underscores the importance of collaboration between government, industry and the public in ensuring that Malaysia's skies remain safe, sustainable and globally respected.

About Civil Aviation Authority of Malaysia

The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) is the national aviation regulator, entrusted with ensuring the safety, security, and efficiency of Malaysia's civil aviation sector. CAAM provides comprehensive safety and security oversight of flight operations, aviation personnel licensing, and is responsible for the provision of air navigation services and air traffic management across Malaysian airspace. Operating in accordance with international standards set by the International Civil Aviation Organization (ICAO), CAAM is committed to fostering a safe, sustainable, and forward-looking aviation ecosystem through regulatory excellence, innovation, and strategic collaboration.

For media enquiries, kindly contact:

Anis Rahim at +6012 336 4353 or via email at communications@caam.gov.my

25 Oktober 2025

Untuk siaran segera

CAAM PERKUKUH BUDAYA KESELAMATAN PENERBANGAN MELALUI PROGRAM KESEDARAN KOMUNITI DI LIMBANG, SARAWAK

LIMBANG, SARAWAK – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) terus komited memperkukuh kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap aspek keselamatan penerbangan menerusi penganjuran Program Kesedaran Budaya Keselamatan Penerbangan yang diadakan hari ini di Lapangan Terbang Limbang, Sarawak.

Program yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah ini bertujuan untuk memupuk budaya keselamatan yang kukuh dalam kalangan komuniti setempat, selaras dengan usaha berterusan CAAM dalam mempertingkatkan kesedaran keselamatan penerbangan di seluruh negara.

Program tahunan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan, Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Pengangkutan Sarawak serta rakan industri penerbangan utama negara itu merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) CAAM di mana tahun ini ia melibatkan penyertaan lebih 300 peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah sekitar Limbang seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Patiambun, SMK Kubong, SMK Medamit, SMK Limbang dan SMK Agama Limbang.

Dato' Kapten Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM menjelaskan bahawa program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan CAAM untuk memupuk dan memperkukuh budaya keselamatan penerbangan di peringkat akar umbi. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran masyarakat, khususnya dalam kalangan pelajar, tentang kepentingan menjadikan keselamatan sebagai amalan dan cara hidup harian dan bukan sekadar peraturan atau prosedur semata-mata.

Program ini turut menekankan peranan penting komuniti setempat dalam memastikan keselamatan di lapangan terbang sentiasa terpelihara. Bagi lapangan terbang setempat seperti Limbang, kesedaran komuniti amat penting bagi mencegah insiden seperti penggunaan dron tanpa kebenaran, pencerobohan kawasan keselamatan serta pembuangan sisa yang boleh menarik haiwan liar dan menyebabkan serangan burung terhadap pesawat.

Lapangan Terbang Limbang memainkan peranan penting sebagai hab pengangkutan utama bagi masyarakat tempatan dengan menghubungkan pelajar, petugas kesihatan dan peniaga dengan kawasan lain di Sarawak dan seluruh Malaysia. CAAM tegas dalam memastikan keselamatan lapangan terbang menjadi tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh semua pihak termasuk penduduk di kawasan berhampiran lapangan terbang itu sendiri.

YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, turut memuji pendekatan proaktif CAAM dalam menganjurkan program kesedaran ini serta menegaskan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memperkukuh ekosistem penerbangan di negeri ini. Program ini mencerminkan kerjasama erat antara CAAM, pihak berkuasa negeri, institusi pendidikan dan komuniti tempatan dalam memupuk budaya keselamatan yang menyeluruh. Ia juga menonjolkan peranan penting Limbang dan lapangan terbang setempat yang lain dalam menyokong objektif keselamatan sektor penerbangan negara.

Antara yang menarik sepanjang program ini termasuklah pameran pendidikan, demonstrasi keselamatan dan sesi interaktif melibatkan pelajar serta komuniti dalam memahami aspek keselamatan dan sekuriti penerbangan. Melalui pendekatan ini, CAAM berhasrat melahirkan generasi rakyat Malaysia yang lebih peka, bertanggungjawab dan berperanan aktif dalam mengekalkan persekitaran penerbangan yang selamat.

Dengan menggalakkan kesedaran dan minat dalam kalangan generasi muda, program ini juga memberi pendedahan awal kepada peluang kerjaya dalam industri penerbangan.

Program Kesedaran Budaya Keselamatan Penerbangan ini turut mencerminkan komitmen jangka panjang CAAM untuk membina budaya keselamatan penerbangan yang kukuh, progresif dan berasaskan komuniti. Program ini turut menegaskan kepentingan kerjasama antara kerajaan, industri dan masyarakat dalam memastikan ruang udara Malaysia kekal selamat, mampan dan dipandang tinggi di peringkat antarabangsa.

Mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan badan kawal selia yang diamanahkan untuk menyelia dan memastikan keselamatan serta kecekapan penerbangan awam di Malaysia. Berpegang kepada komitmen CAAM terhadap piawaian penerbangan antarabangsa serta amalan terbaik, CAAM mengawal selia di samping turut menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan yang mampan. CAAM menyediakan pengawasan merangkumi perkhidmatan navigasi udara, pelesenan kakitangan penerbangan dan operasi penerbangan awam selain menggalakkan inovasi dan mengekalkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Rahim di talian +6012 336 4353 atau emel ke communications@caam.gov.my